

٧١ - بَابُ الْمَسْحِ عَلَى الْخُفَّيْنِ لِلْمُسَافِرِ وَالْمُقِيمِ

71 - Bab (Hukum) Menyapu Kedua Khuff Bagi Musafir Dan Bukan Musafir.⁸⁶⁴

٩٥- حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ حَدَّثَنَا أَبُو عَوَانَةَ عَنْ سَعِيدِ بْنِ مَسْرُوقٍ عَنْ إِبْرَاهِيمَ التَّيْمِيِّ عَنْ عَمْرِو بْنِ مَيْمُونٍ عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ الْجَدَلِيِّ عَنْ خُزَيْمَةَ بْنِ ثَابِتٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ سُئِلَ عَنِ الْمَسْحِ عَلَى الْخُفَّيْنِ فَقَالَ لِلْمُسَافِرِ ثَلَاثَةٌ وَلِلْمُقِيمِ يَوْمٌ.

وَذَكَرَ عَنْ يَحْيَى بْنِ مَعِينٍ أَنَّهُ صَحَّحَ حَدِيثَ خُزَيْمَةَ بْنِ ثَابِتٍ فِي الْمَسْحِ وَأَبُو عَبْدِ اللَّهِ الْجَدَلِيُّ اسْمُهُ عَبْدُ بْنُ عَبْدِ وَيُقَالُ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَبْدِ.

قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ وَفِي الْبَابِ عَنْ عَلِيٍّ وَأَبِي بَكْرَةَ وَأَبِي هُرَيْرَةَ وَصَفْوَانَ بْنِ عَسَالٍ وَعَوْفِ بْنِ مَالِكٍ وَابْنِ عُمَرَ وَجَرِيرٍ.

95- Qutaibah meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu 'Awānah meriwayatkan kepada kami daripada Sa'id bin Masruq (ayah Sufyan ats-Tsauri) daripada Ibrahim at-Taimi daripada 'Amar bin Maimun⁸⁶⁵ daripada Abi 'Abdillah al-Jadali⁸⁶⁶ daripada Khuzaimah bin Tsabit daripada Nabi s.a.w., bahawasanya Baginda ditanya tentang (selama mana boleh) meyapu khuf, jawab Baginda s.a.w.: "Tiga hari untuk orang dalam perjalanan (musafir) dan satu hari untuk orang yang bermukim (tidak bermusafir)."⁸⁶⁷

⁸⁶⁴ Seluruh umat Islam bersepakat tentang keharusan menyapu kedua khuf (dalam berwudhu') bagi musafir dan bukan musafir. Cuma ada satu riwayat Ibnu al-Qasim daripada Malik yang hanya mengharuskan sapu khuf kepada musafir sahaja, tidak kepada bukan musafir. (Lihat Bulghatu as-Sālik j.1 m/s 58). Tetapi riwayat itu tidak juga menjadi rujukan fatwa dalam mazhab Malik. Tiada siapa pun dari kalangan 'ulama' Malikiyyah berfatwa dengannya.

⁸⁶⁵ al-Audi al-Kufi. Seorang perawi mukhadhram (orang yang sempat dengan zaman Jahiliyah sebelum Islam dan zaman Nabi s.a.w., tetapi tidak pernah bertemu Baginda s.a.w.) yang masyhur, tsiqah lagi 'abid. Beliau menetap di Kufah, dan meninggal dunia pada tahun 64 Hijrah.

⁸⁶⁶ Beliau dinisbahkan kepada Jadilah iaitu satu puak daripada qabilah Thayyi'.

⁸⁶⁷ Di dalam riwayat Abu Daud tersebut: لِلْمُسَافِرِ ثَلَاثَةُ أَيَّامٍ وَلِلْمُقِيمِ يَوْمٌ وَلَيْلَةٌ (Untuk musafir tiga hari dan untuk tidak musafir sehari semalam). Maksudnya ialah untuk musafir tiga hari tiga malam.

Disebutkan daripada Yahya bin Ma'in bahawa beliau mensahihkan hadits Khuzaimah bin Tsabit mengenai sapu khuf (dalam berwudhu'). Dan nama sebenar) Abu 'Abdillah al-Jadali ialah 'Abd bin 'Abd, dia juga dipanggil 'Abdur Rahman bin 'Abd.⁸⁶⁸

Abu 'Isa berkata: "Ini adalah hadits hasan sahih,⁸⁶⁹ dalam bab ini ada juga riwayat daripada 'Ali,⁸⁷⁰ Abu Bakrah,⁸⁷¹ Abu Hurairah,⁸⁷² Shafwan bin 'Assāl,⁸⁷³ 'Auf bin Malik,⁸⁷⁴ Ibnu Umar⁸⁷⁵ dan Jarir⁸⁷⁶."

٩٦- حَدَّثَنَا هَذَا حَدَّثَنَا أَبُو الْأَخْوَصِ عَنْ عَاصِمِ بْنِ أَبِي النَّجُودِ عَنْ زَيْدِ بْنِ حُبَيْشٍ عَنْ صَفْوَانَ بْنِ عَسَّالٍ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْمُرُنَا إِذَا كُنَّا سَفَرًا أَنْ لَا نَنْزِعَ خِفَافَنَا ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ وَلَيَالِيَهُنَّ إِلَّا مِنْ جَنَابَةٍ وَلَكِنْ مِنْ غَائِطٍ وَبَوْلٍ وَنَوْمٍ.

⁸⁶⁸ Hafizh Ibnu Hajar di dalam at-Taqrīb berkata, "Abu 'Abdillah al-Jadali, namanya 'Abd atau 'Abdur Rahman bin 'Abd, tsiqah. Dia dikatakan berfahaman Syi'ah dan dia termasuk dalam kibār thabaqah ke-3."

⁸⁶⁹ Abu Daud, Ibnu Majah dan lain-lain juga meriwayatkannya.

⁸⁷⁰ Hadits 'Ali diriwayatkan oleh Muslim melalui saluran Syuraih bin Hāni', katanya: Aku bertanya 'Ali bin Abi Thalib tentang (selama mana boleh) menyapu kedua khuf (dalam berwudhu'). Beliau menjawab:

جَعَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ وَلَيَالِيَهُنَّ لِلْمُسَافِرِ وَيَوْمًا وَلَيْلَةً لِلْمُقِيمِ

Bermaksud: "Rasulullah s.a.w. menentukan (tempohnya selama) tiga hari tiga malam untuk musafir, dan sehari semalam untuk tidak musafir."

⁸⁷¹ Hadits Abu Bakrah diriwayatkan oleh Ibnu Khuzaimah, ad-Daaraquthni dan al-Atsram di dalam Sunannya. Kata al-Khatthābi, isnadnya sahih. Demikianlah disebutkan di dalam al-Muntaqa. Lafaz riwayatnya ialah:

رَخَّصَ لِلْمُسَافِرِ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ وَلَيَالِيَهُنَّ وَلِلْمُقِيمِ يَوْمًا وَلَيْلَةً إِذَا تَطَهَّرَ فَلَبَسَ خُفَّيْهِ أَنْ يَمْسَحَ عَلَيْهِمَا

Bermaksud: Rasulullah s.a.w. membenarkan menyapu kedua khuf (dalam berwudhu') untuk musafir selama tiga hari tiga malam, untuk tidak musafir pula sehari semalam, apabila ia telah bersuci lalu memakai kedua khufnya.

⁸⁷² Hadits Abu Hurairah diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah dan al-Bazaar.

⁸⁷³ Hadits Shafwan bin 'Assāl diriwayatkan oleh Tirmidzi.

⁸⁷⁴ Hadits 'Auf bin Malik diriwayatkan oleh Ahmad, al-Bazaar dan at-Thabaraani di dalam al-Mu'jam al-Ausath.

⁸⁷⁵ Hadits Ibnu 'Umar diriwayatkan oleh at-Thabaraani di dalam al-Mu'jam al-Ausath juga.

⁸⁷⁶ Hadits Jarir diriwayatkan oleh at-Thabaraani di dalam al-Mu'jam al-Ausath dan al-Mu'jam al-Kabīr.

قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ وَقَدْ رَوَى الْحَكَمُ بْنُ عُثَيْبَةَ وَحَمَّادٌ عَنْ إِبْرَاهِيمَ النَّخَعِيِّ عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ الْجَدَلِيِّ عَنْ حُزَيْمَةَ بْنِ ثَابِتٍ وَلَا يَصِحُّ.

قَالَ عَلِيُّ بْنُ الْمَدِينِيِّ قَالَ يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ قَالَ شُعْبَةُ لَمْ يَسْمَعْ إِبْرَاهِيمَ النَّخَعِيِّ مِنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ الْجَدَلِيِّ حَدِيثَ الْمَسْحِ وَقَالَ زَائِدَةُ عَنْ مَنْصُورٍ كُنَّا فِي حُجْرَةِ إِبْرَاهِيمَ التَّمِيمِيِّ وَمَعَنَا إِبْرَاهِيمُ النَّخَعِيُّ فَحَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ التَّمِيمِيُّ عَنْ عَمْرِو بْنِ مَيْمُونٍ عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ الْجَدَلِيِّ عَنْ حُزَيْمَةَ بْنِ ثَابِتٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمَسْحِ عَلَى الْخُفَّيْنِ.

قَالَ مُحَمَّدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ أَحْسَنُ شَيْءٍ فِي هَذَا الْبَابِ حَدِيثُ صَفْوَانَ بْنِ عَسَّالٍ الْمُرَادِيِّ قَالَ أَبُو عِيسَى وَهُوَ قَوْلُ أَكْثَرِ الْعُلَمَاءِ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ بَعْدَهُمْ مِنَ الْفُقَهَاءِ مِثْلَ سُفْيَانَ الثَّوْرِيِّ وَابْنِ الْمُبَارَكِ وَالشَّافِعِيِّ وَأَحْمَدَ وَإِسْحَقَ قَالُوا يَمْسَحُ الْمُقِيمُ يَوْمًا وَلَيْلَةً وَالْمُسَافِرُ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ وَلَيَالِيَهُنَّ.

قَالَ أَبُو عِيسَى وَقَدْ رُوِيَ عَنْ بَعْضِ أَهْلِ الْعِلْمِ أَنَّهُمْ لَمْ يُوقِفُوا فِي الْمَسْحِ عَلَى الْخُفَّيْنِ وَهُوَ قَوْلُ مَالِكِ بْنِ أَنَسٍ قَالَ أَبُو عِيسَى وَالتَّوْفِيقُ أَصَحُّ وَقَدْ رُوِيَ هَذَا الْحَدِيثُ عَنْ صَفْوَانَ بْنِ عَسَّالٍ أَيْضًا مِنْ غَيْرِ حَدِيثٍ غَاصِمٍ.

96- Hannād meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu al-Aḥwash⁸⁷⁷ meriwayatkan kepada kami daripada 'Aashim bin Abi an-Najūd⁸⁷⁸ daripada Zirr

⁸⁷⁷ Nama sebenarnya ialah Sallām bin Sulaim al-Ḥanafi maula mereka al-Kufi al-Ḥāfīzh. Beliau meriwayatkan hadits daripada al-Aswad bin Qais, Ziad bin 'Ilāqah dan ramai lagi orang-orang lain. Ibnu Mahdi, Hannād bin as-Sari dan lain-lain pula adalah antara orang yang meriwayatkan daripadanya. Kata Ibnu Ma'in, Abul Aḥwash seorang perawi tsiqah lagi teguh". Al-'Ijli pula berkata, "Beliau seorang pengikut Sunnah dan ittibā'." Abul Aḥwash adalah salah seorang perawi keenam-enam kitab utama hadits. Beliau meninggal dunia pada tahun 179 Hijrah.

⁸⁷⁸ Nama sebenar Abi an-Najūd menurut pendapat jumhur 'ulama' ialah Bahdalah. 'Amar bin 'Ali pula berkata, Bahdalah itu nama ibunya. Abu Haatim berkata, "Dia seorang yang boleh dikatakan benar, tetapi tidaklah sampai boleh dikatakan tsiqah. Dia juga bukan seorang Ḥāfīzh. Ibnu 'Ulaiyyah telah mentajrihkannya". Kata al-'Uqaili, "Tidak ada apa pun kekurangannya selain ingatannya tidak baik". Kata al-Bazzaar, "Kami tidak mengetahui ada sesiapa pun meninggalkan (tidak mahu menerima) haditsnya, walaupun beliau bukan seorang ḥāfīzh. Demikianlah tersebut di dalam Muqaddimah Faṭḥul Bāri. Di dalam at-Taqrīb pula Hafīzh Ibnu Hajar menulis, "Seorang perawi shadūq yang ada banyak waham, dia hujjah dalam qira'at, haditsnya di dalam Bukhari dan Muslim dikemukakan bersama perawi lain."

bin Ḥubaisy⁸⁷⁹ daripada Shafwan bin 'Assāl, kata beliau: "Rasulullah s.a.w. memerintahkan kami agar tidak membuka khuf selama tiga hari tiga malam jika kami bermusafir, kecuali apabila kami berjunub. Dan kami tetap boleh menyapu khuf (apabila berwudhu') kerana buang air besar, buang air kecil dan tidur."⁸⁸⁰

⁸⁷⁹ al-Asadi al-Kufi. Seorang perawi mukhadhram yang tsiqah lagi mulia.

⁸⁸⁰ Demikianlah terjemahan mafhum bagi 'ibarat terakhir di dalam hadits di atas untuk memudahkan para pembaca memahaminya. Ia agak sulit difahami berdasarkan redaksi asalnya. Rangkai kata: *وَلَكِنْ مِنْ غَائِطٍ وَبَوْلٍ وَنَوْمٍ*. Ia di'athafkan kepada sesuatu yang ditaqdirkan. Rangkai kata: *إِلَّا مِنْ جَنَابَةٍ* yang tersebut sebelumnya menunjukkan apa yang ditaqdir itu. Rangkai kata: *مِنْ غَائِطٍ* berta'alluq (bergantung) dengan sesuatu yang maḥdzūf. Taqdirnya ialah:

وَأَمَرْنَا أَنْ نَتْرَعَ خِفَافًا مِنْ جَنَابَةٍ وَلَا نَتْرَعَ مِنْ غَائِطٍ وَبَوْلٍ وَنَوْمٍ

Bermaksud: Rasulullah s.a.w. memerintahkan kami agar menanggalkan khuf-khuf kami kerana berjunub, dan tidak menanggalkan(nya) kerana air besar, air kecil dan tidur.

Lafaz riwayat an-Nasaa'i lebih terang lagi dalam menyampaikan maksudnya. Lihat riwayat berkenaan di bawah ini:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْمُرُنَا إِذَا كُنَّا مُسَافِرِينَ أَنْ نَمْسَحَ عَلَى خِفَافِنَا وَلَا نَتْرَعَهَا ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ مِنْ غَائِطٍ وَبَوْلٍ وَنَوْمٍ إِلَّا مِنْ جَنَابَةٍ.

Bermaksud: Rasulullah s.a.w. memerintahkan kami apabila bermusafir agar menyapu khuf-khuf kami tanpa menanggalkannya selama tiga hari kerana buang air besar, air kecil dan tidur, kecuali kerana berjunub.

Antara pengajaran, pedoman dan hukum-hakam yang dapat diambil dari hadits ini ialah:

- (1) Keharusan menyapu khuf dalam berwudhu'.
- (2) Keharusan menyapu khuf itu ada batasan waktunya. Untuk musafir selama tiga hari tiga malam, untuk bukan musafir pula sehari semalam.
- (3) Tidak harus menyapu khuf dalam mandi janabah, tidak harus juga dalam mandi-mandi yang lain, baik yang wajib mahupun yang sunat.
- (4) Keharusan menyapu khuf dalam berwudhu' untuk mengangkat semua macam hadats kecil.
- (5) Buang air besar, buang air kecil dan tidur adalah antara perkara yang membatalkan wudhu'.
- (6) Khuf mestilah ditanggalkan apabila telah berjunub walaupun tempoh boleh menyapu khuf masih belum habis lagi.

Abu 'Isa berkata: "Ini adalah hadits hasan sahih."⁸⁸¹ Al-Hakam bin 'Utaibah⁸⁸² dan Hammād⁸⁸³ meriwayatkan hadits ini daripada Ibrahim an-Nakha'i daripada Abi 'Abdillah al-Jadali daripada Khuzaimah bin Tsabit, namun ia tidak sahih."

'Ali (bin 'Abdillah) Ibnul Madini berkata: "Kata Yahya bin Sa'id (al-Qatthān al-Bashri), kata Syu'bah (bin al-Ḥajjāj): "Ibrahim an-Nakha'i tidak mendengar

⁸⁸¹ Syafi'e, Ahmad, an-Nasaa'i, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan, ad-Daraquthni dan al-Baihaqi juga meriwayatkannya. Di dalam at-Talkhish al-Ḥabīr Hafizh Ibnu Hajar menulis bahawa Tirmidzi menukulkan kata-kata Imam Bukhari yang menghukum hadits ini sebagai hasan. Tirmidzi sendiri dan al-Khatthābi pula menghukumnya sebagai sahih. Madār hadits ini di sisi mereka ialah 'Aashim bin Abi an-Najūd daripada Zirr bin Ḥūbaisy daripada Shafwān bin 'Assāl. Abul Qāsim Ibnu Mandah menyebutkan bahawa ia diriwayatkan oleh lebih 40 orang daripada 'Aashim. 'Abdul Wahhāb bin Bakht, Isma'il bin Abi Khalid, Thalhah bin Musharrif, al-Minhāl bin 'Amar dan Muhammad bin Sūqah pula telah menjadi mutābi' kepada 'Aashim. Hadits Thalhah bin Musharrif telah diriwayatkan oleh at-Thabaraani dengan isnad yang boleh tahan juga (بإسناد لا بأس به) (bertaraf hasan).

⁸⁸² al-Kindi al-Kufi. Abu Muhammad atau Abu 'Abdillah adalah kunyahnya. Beliau seorang perawi tsiqah, teguh lagi faqih, cuma kadang-kadang melakukan tadlis. Al-Ḥakam adalah perawi dari thabaqah ke-5, dan beliau meninggal dunia pada tahun 115 Hijrah ketika berumur 65 tahun.

⁸⁸³ Beliau ialah Hammaad bin Abi Sulaiman al-Faqih al-Asy'ari, Maula mereka, al-Kufi. Abu Isma'il adalah kunyahnya. Nama sebenar Abu Sulaiman (ayah Hammaad) ialah Muslim. Hammaad meriwayatkan hadits daripada Anas, Abu Wā'il, an-Nakha'i dan lain-lain. Mughirah, Abu Hanifah, Mis'ar, Syu'bah, anaknya sendiri Isma'il, dan lain-lain adalah antara orang yang meriwayatkan hadits daripadanya. Mereka bahkan mendalami fiqh dengannya. Hadits-haditsnya terdapat di dalam Sunan Sittah, al-Adabul Mufrad dan lain-lain, cuma di dalam Sahih Bukhari riwayatnya dikemukakan secara ta'liq sahaja oleh Imam Bukhari. Kata an-Nasaa'i, Hammaad seorang perawi tsiqah berfahaman Murji'ah. Daud at-Thā'i berkata, Hammaad menjemput 50 orang setiap hari untuk berbuka puasa di bulan Ramadhan. Hafizh Ibnu Hajar pula berkata, "Hammaad seorang faqih yang shadūq, riwayatnya mengandungi banyak waham, dari thabaqah ke-5, dan beliau dikatakan berfahaman Murji'ah." Abu Bakar Ibnu Abi Syaibah dan 'Amar bin 'Ali mengatakan Hammaad meninggal dunia pada tahun 120 Hijrah.